

# **C 13**

**PEMBERITAHUAN WAJIB PENAGIH  
DADAH YANG DIRAWAT OLEH  
PENGAMAL PERUBATAN  
BERDAFTAR**

## TERHAD

<b>PERINTAH TETAP: C 13/2014</b>	<b>BIL : 1/5</b>
<b>TAJUK: PEMBERITAHUAN WAJIB BAGI PENAGIH DADAH YANG DIRAWAT OLEH PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR</b>	<b>TARIKH : 28 NOVEMBER 2014</b>

### 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Mengikut Seksyen 18 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 adalah menjadi kewajipan pengamal perubatan berdaftar termasuk juga pegawai perubatan kerajaan, untuk memberitahu Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan mengenai mana-mana orang yang dirawat oleh pengamal perubatan berdaftar kerana ketagihan dadah.

### 2. TUJUAN

- 2.1 Menetapkan garis panduan untuk mengawalselia jumlah penagih yang dirawat oleh pengamal perubatan berdaftar.

### 3. SKOP

- 3.1 Perintah Tetap ini merangkumi perkara-perkara seperti berikut:
  - 3.1.1 Prosedur mengawalselia pengamal perubatan berdaftar.
  - 3.1.2 Prosedur penguatkuasaan terhadap pengamal perubatan berdaftar.

## TERHAD

<b>PERINTAH TETAP: C 13/2014</b>	<b>BIL : 2/5</b>
<b>TAJUK: PEMBERITAHUAN WAJIB BAGI PENAGIH DADAH YANG DIRAWAT OLEH PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR</b>	<b>TARIKH : 28 NOVEMBER 2014</b>

### **4. TERMINOLOGI**

#### **4.1 Pengamal Perubatan Berdaftar**

Pengamal perubatan berdaftar ertinya pengamal perubatan yang didaftar dibawah Akta Perubatan 1971.

### **5. TUJUAN PEMBERITAHUAN WAJIB BAGI PENAGIH DADAH**

- 5.1 Untuk mengawalselia ke atas pengamal perubatan berdaftar.
- 5.2 Untuk mendapatkan senarai nama penagih-penagih yang mendapat rawatan dan pemulihan di pusat pengamal perubatan berdaftar.

### **6. PROSEDUR PELAKSANAAN**

1. Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah hendaklah memaklumkan melalui surat mengenai pelaksanaan penguatkuasaan kepada semua pengamal perubatan berdaftar di daerahnya.
2. Pegawai Agensi hendaklah membuat pemantauan dan memastikan pengamal pendaftaran berdaftar mengisi borang (Kaedah 3) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 Pemberitahuan Penagih Dadah bagi senarai nama setiap penagih yang menerima rawatan dan pemulihan.

**TERHAD**

<b>PERINTAH TETAP: C 13/2014</b>	<b>BIL : 3/5</b>
<b>TAJUK: PEMBERITAHUAN WAJIB BAGI PENAGIH DADAH YANG DIRAWAT OLEH PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR</b>	<b>TARIKH : 28 NOVEMBER 2014</b>

3. Borang yang telah lengkap hendaklah di kembalikan kepada Ketua Pegawai AADK Daerah untuk dipanjangkan kepada Ketua Pengarah AADK.
4. Pegawai Agensi hendaklah memfailkan borang-borang yang telah diterima daripada pengamal perubatan berdaftar.
5. Pegawai Agensi hendaklah melaksanakan pemantauan setiap bulan ke atas jumlah penagih yang dirawat oleh pengamal perubatan berdaftar.
6. Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah hendaklah menghantar laporan bulanan kepada Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri dan Pengarah Penguatkuasaan Agensi Antidadah Kebangsaan Ibu Pejabat
7. Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah hendaklah mendapat arahan untuk tindakan seterusnya daripada Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri sekiranya ada mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang melanggar peruntukan Seksyen ini.
8. Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah hendaklah mengambil tindakan ke atas pengamal perubatan berdaftar yang melanggar Seksyen 18 Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 dan hukuman di bawah Seksyen 18(2) akta yang sama iaitu boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM2,000.00

**TERHAD**

<b>PERINTAH TETAP: C 13/2014</b>	<b>BIL : 4/5</b>
<b>TAJUK: PEMBERITAHUAN WAJIB BAGI PENAGIH DADAH YANG DIRAWAT OLEH PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR</b>	<b>TARIKH : 28 NOVEMBER 2014</b>

(Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja).

**7. TANGGUNGJAWAB**

- 7.1 Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan
- 7.2 Pengarah Penguatkuasaan Dan Keselamatan
- 7.3 Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri
- 7.4 Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah
- 7.5 Pegawai Agensi

**8. KUASA PERUNDANGAN**

- 8.1 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004
- 8.2 Akta Penagih Dadah ( Rawatan dan Pemulihan ) 1983
- 8.3 Perintah Tetap Ketua Pengarah 2014
- 8.4 Akta Perubatan 1971

**9. LAMPIRAN**


- 9.1 Borang Jadual (Kaedah 3) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 Pemberitahuan Penagih Dadah ( **C13 / BR / 01** ).

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 13/2014	BIL : 5/5
TAJUK: PEMBERITAHUAN WAJIB BAGI PENAGIH DADAH YANG DIRAWAT OLEH PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

**10. PENGUATKUASAAN**

Perintah Tetap ini berkuatkuasa serta-merta.



**( DATO' SUHAIMI BIN ABDULLAH )**  
KETUA PENGARAH  
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tarikh : **28 NOVEMBER 2014**

**JADUAL**  
**(Kaedah 3)**  
**AKTA PENAGIH DADAH (RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983**  
**PEMBERITAHUAN PENAGIH DADAH**  
**[SEKSYEN 18(1)]**

**SULIT**

Kepada:

Ketua Pengarah,  
Agensi Antidadah Kebangsaan  
Kementerian Dalam Negeri  
Jalan Maktab Perguruan Islam  
43000 Kajang, Selangor  
Malaysia.

Saya, Dr .....

Seorang pegawai perubatan kerajaan/pengamal perubatan berdaftar\*, dengan ini memberi notis bahawa saya telah merawat orang yang berikut di bawah Akta kerana dia ketagihan dadah:

Nama : .....

No. KPPN/Pasport\* : ..... Jantina : .....

Umur : ..... Tarikh Lahir : .....

Tempat Lahir (Nyatakan: Bandar, Daerah, Negeri dan Negara) : .....

.....

Bangsa : .....

Taraf perkahwinan : .....

Pekerjaan : .....

Alamat : .....

..... Telefon .....

Alamat tetap (jika lain daripada yang di atas) .....

.....

.....

Kewarganegaraan : .....

Jika bukan warganegara Malaysia nyatakan taraf tinggalnya di Malaysia :  
Permastautin Tetap/berdasarkan Pas Lawatan Sosial/ berdasarkan Kontrak  
Pekerjaan/Lain-lain (nyatakan)\*

.....  
.....

Butir-butir ketagihan:

Umur semasa ketagihan bermula .....

Tarikh rawatan pertama .....

Dadah/dadah-dadah yang ditagih:

<input type="checkbox"/>	Ubat Penenteram
<input type="checkbox"/>	Pil Tidur
<input type="checkbox"/>	MX (Mandrax)
<input type="checkbox"/>	Amfetamin
<input type="checkbox"/>	LSD

<input type="checkbox"/>	Ganja
<input type="checkbox"/>	Candu
<input type="checkbox"/>	Morfin
<input type="checkbox"/>	Heroin
<input type="checkbox"/>	Lain-lain (nyatakan)

Bertarikh pada ..... 20.....

.....  
Tandatangan dan Nama Pegawai Perubatan  
Kerajaan/Pengamal Perubatan Berdaftar

Alamat : .....

.....

.....

.....

Telefon : .....

Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

\*Tunjukkan dadah/dadah-dadah yang digunakan dengan menandakan (√) kotak-kotak yang berkenaan.